

05/09/2003

MM Chip letakkan negara dalam kumpulan elit

Mohd Azlan Jaafar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Pemilikan hak teknologi mikro cip yang bakal merevolusikan kehidupan masyarakat dalam pelbagai bidang akan meletakkan Malaysia pada hala tuju terbaik mencapai Wawasan 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, cip berdasarkan teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) dan dikenali sebagai Malaysian Microchip (MM Chip) itu meletakkan negara ini di kalangan kumpulan elit beberapa negara di dunia yang mempromosikan cip tak bersentuh.

"Ia (teknologi ini) akan mewujudkan nilai kepada sektor pengagihan, import dan eksport, alam sekitar dan sektor penting lain. Projek ini akan menggalakkan pembangunan aplikasi RFID yang akan membawa industri sedia ada ke fasa baru yang lebih menjimatkan masa, guna tempat, dan kos.

"Hasil inovasi dan produktiviti akan menggalakkan pertumbuhan dan persaingan pada peringkat global. Teknologi cip RFID penting untuk Malaysia mencapai Wawasan 2020. Kerajaan menjangkakan ia akan mencetuskan sektor ekonomi baru dan Malaysia boleh menerajui industri RFID global," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bagi mengumumkan pembabitan Malaysia dalam pemilikan hak dan paten teknologi MM Chip hasil kerjasama dengan syarikat Jepun di sini semalam.

Turut hadir Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Penasihat Sains dan Teknologi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Zaharuddin Idrus, Ketua Eksekutif Fec (M) Sdn Bhd, Kunioki Ichioka dan Pengarah Urusan FEC Mej Jen (R) Datuk Gophal Ramdas. Cip yang dibangunkan dengan kerjasama sekumpulan syarikat Jepun itu serta bersaiz 0.5 milimeter persegi, akan menggantikan cip sesentuh sedia ada yang digunakan dalam pelbagai aplikasi dan alatan.

Kerana saiznya yang sangat kecil berbanding cip sedia ada, ia pengganti lebih baik serta dapat dimasukkan dalam mata wang, pasport, kad pengenalan selain peralatan elektronik yang memerlukan penyimpanan dan pembacaan data secara teknologi bacaan radio.

Aplikasinya juga boleh diperluaskan dalam bidang keselamatan, kesihatan, pembuatan, pengesanan dan identifikasi.

Cip itu juga mempunyai antena yang dibina terus dalam cip itu berbanding teknologi cip sedia ada yang mana antena dibina di luar, sekali gus menjadikan cip sedia ada tidak sesuai untuk digunakan dalam beberapa aplikasi.

Perdana Menteri yang sudah menyaksikan kepelbagaian penggunaan teknologi itu menjelaskan, cip itu juga boleh digunakan dalam meningkatkan keselamatan terutama di lapangan terbang.

"Paras keselamatan yang kini disediakan sistem sedia ada tidak mencukupi.

Dengan aplikasi berdasarkan teknologi RFID dan teknologi lain, ia akan dapat meningkatkan usaha menangani kegiatan keganasan selain mengatasi masalah wang palsu jika dimasukkan dalam mata wang," katanya.

Beliau berkata, kerjasama Malaysia dengan rakan dari Jepun itu akan mewujudkan platform untuk teknologi RFID sebelum akhir tahun ini. Mulai tahun depan, pelbagai agensi kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta bagi membangunkan lebih banyak aplikasi berdasarkan cip itu.

Dr Mahathir berkata, projek bagi menghasilkan cip berharga 38 sen (AS\$0.10) akan menjadikan Malaysia sebagai antara peneraju bidang itu.

Ditanya mengenai aplikasi cip itu di negara ini, Perdana Menteri berkata bidang penggunaannya sangat luas kerana selain murah ia jauh lebih kecil serta lebih mudah dilengkapkan.

"Kita mungkin memasukkan cip itu dalam mata wang dan kad pengenalan serta peralatan lain. Ini juga peluang untuk kita meluaskan penggunaannya berikutan kita berada di depan dalam teknologi ini. Kita harus memanfaatkan sepenuhnya kerana berada di depan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan berharap cip itu dapat dikeluarkan secepat mungkin di negara ini.

"Kita mahu melihat pengeluaran cip itu dibawa ke Malaysia. Kita mempunyai kemudahan fabrikasi wafer Silterra di Kulim. Kemudahan di situ sesuai bagi pengeluaran cip itu. Kita berharap ia dapat dilakukan secepat mungkin," katanya,

Ditanya mengenai kos yang ditanggung negara bagi membeli hak teknologi itu, Dr Mahathir berkata: "Ia adalah berpatutan."